



TABUNG BENCANA
UNSTP media prima

Bantuan mangsa-mangsa banjir

Bantuan ini boleh diberikan sama ke atas Maybank atau akaun lain yang Tabung Bencana UNSTP Media Prima dan Aliran 10. Jumlah maksimum kepada Komuniti Media Prima Berhad, Tingkat 1, Jalan Klang, Kuala Lumpur, 51 Jalan Klang, 50000 Kuala Lumpur atau pejabat cawangan UNSTP Media Prima di seluruh negara.

Akaun Maybank:
5141-0532-0757

Oleh Alias Abd Rani
alias@hmetro.com.my
Selangau

“**A**ir naik semakin mendadak sehingga tiga meter, kami terpaksa mengahraikan penduduk segera berpindah,” kata Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Sungei Merah Zakaria Aini selepas hampir 1,000 penduduk dari dua rumah panjang, di sini, terputus hubungan apabila Sungai Mukah mula melimpah, semalam.

Situasi itu menyebabkan jalan menghubungkan kedua-dua Rumah Panjang Ngungpang dan Rumah Blayong Nanga Kalai, tidak boleh dilalui semua kenderaan berikutan air naik sehingga tiga meter sejak jam 3 petang.

Zakaria berkata, proses pemindahan dilakukan secara berperingkat berikutan kemudahan yang ada terhadap selain air sungai terus melimpah secara mendadak.

Menurutnya, pada mulanya, kebanyakan penduduk enggan berpindah, namun apabila diarahkan supaya berbuat demikian, mereka akhirnya akur.

“Sungai Mukah mula melimpah ke tebing menyebabkan rumah panjang di sekitarnya mula ditenggelami



RUMAH Panjang Ngungpang tidak boleh dilalui kenderaan akibat air naik tiga meter.

BAH DI SARAWAK

Banjir tanpa hujan

■ **Sungai Mukah melimpah paksa 1,000 penduduk dipindah**

air. Walaupun cuaca cerah, tapi mungkin hujan di hulu menyebabkan air sungai ini melimpah.

“Penduduk terjejas adalah 500 orang dari Rumah Panjang Ngupang, Rumah Blayong Nanga Kalai (200 orang) dan Rumah Pasang Merimbu (25 orang). Semua penduduk Rumah Blayong

Nanga Kalai, Rumah Pasang Merimbu dan Rumah Ngupang dipindahkan ke Dewan Serdas,” katanya ketika dihubungi, di sini, semalam.

Menurut Zakaria, pihaknya tidak menolak kemungkinan jumlah mangsa dipindahkan meningkat berikutan paras air semakin naik.

“Justeru, pemantauan selain menambah aset menjadi tumpuan kami bagi memastikan penduduk dipindahkan segera,” katanya.

Sementara itu, jurucakap Majlis Keselamatan Negara (MKN) Sarawak berkata, jumlah mangsa banjir ditempatkan di Pusat Pemindahan Sementara (PPS) me-

ningkat dengan Selangau adalah kawasan terbaru mencatat peningkatan secara mendadak.

Katanya, sehingga jam 6 petang semalam, jumlah mangsa di Selangau adalah 725 orang membabitkan 66 keluarga, diikuti Betong 93 (18 keluarga), manakala Sarikei, 63 (20 keluarga).